

05 MAR 2002

Mohamed-laporan

LIMA PULUH PERATUS WAKIL RAKYAT BN BELUM SERAH LAPORAN KEGIATAN

KUALA LUMPUR, 5 Mac (Bernama) -- Separuh daripada wakil rakyat Barisan Nasional belum menyerahkan laporan kegiatan bulanan masing-masing kepada ibu pejabat parti dan ini mungkin memberi kesan kepada peluang mereka untuk dicalonkan semula, kata Setiausaha Agung BN Tan Sri Mohamed Rahmat.

Katanya laporan itu bukan sahaja penting untuk membolehkan beliau membuat laporan suku tahunan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga pengerusi BN, tetapi ia juga merupakan asas penilaian pemilihan calon untuk pilihan raya akan datang.

"Mereka ini tidak respon kepada arahan itu dan kepada surat (meminta mereka mengemukakan laporan bulanan mengenai aktiviti mereka) yang dihantar oleh ibu pejabat BN," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat dengan semua setiausaha BN negeri di sini hari ini.

Sambil melahirkan rasa tidak puas hatinya dengan keadaan itu, Mohamed berkata ia menunjukkan wakil-wakil rakyat di peringkat negeri dan parlimen itu seolah-olah tidak bekerja.

"Saya harap mereka tidak menganggap mudah tentang permintaan daripada ibu pejabat untuk laporan kegiatan bulanan mereka kerana ia akan menjadi asas penilaian kepada pemilihan calon-calon pada pilihan raya akan datang," katanya.

Mohamed berkata beliau telah menghantar surat peringatan dan akan terus berbuat demikian sehingga wakil-wakil rakyat berkenaan mengambil tindakan sewajarnya.

Beliau mengingatkan mereka bahawa keputusan meminta semua wakil rakyat BN mengemukakan laporan itu dibuat oleh Dewan Tertinggi BN tahun lepas, dan Dr Mahathir mahu perkara itu dilaksanakan.

BN mempunyai 148 Anggota Parlimen dan 379 Anggota Dewan Undangan Negeri.

Mohamed berkata terdapat aduan daripada orang ramai bahawa ada wakil rakyat BN tidak bekerja kerana selepas pilihan raya mereka tidak pernah muncul dan mendekati rakyat.

"Kita tak dapat terima ini dan kita tidak boleh salahkan orang ramai kalau dia kata sejak menang pilihan raya, tak nampak muka wakil rakyat. Saya anggap perbuatan ini tak bertanggungjawab.

"Kepada wakil rakyat yang berkenaan, parti dah bagi mandat, rakyat dah bagi mandat, patut dia kerjalah, kalau dia tak jumpa (rakyat) dia tidak menjadi wakil rakyat yang baik," katanya.

Mohamed berkata laporan mengenai kehadiran wakil rakyat BN di persidangan Dewan Rakyat, Dewan Undangan Negeri dan Dewan Negara juga dihantar ke ibu pejabat parti dari semasa ke semasa.

Mengenai mesyuarat hari ini, beliau berkata ia membincangkan mengenai tindakan yang diambil BN untuk menyakinkan orang ramai tentang peranan BN kepada negara dan rakyat.

Mohamed juga berkata BN akan melancarkan program bagi memperingati ulang tahun ke-50 bermulanya "semangat berkongsi kuasa antara parti dan kaum" memandangkan ia penting untuk difahami semua lapisan rakyat.

Beliau berkata program lain yang akan diadakan dalam tempoh dua tahun ini ialah kovensyen BN di peringkat negeri dan kebangsaan serta program mesra rakyat.

Kovensyen BN peringkat negeri akan bermula di Selangor pada 28 Mac ini dan Perdana Menteri dijadual merasmikannya. Kovensyen BN peringkat pusat dijadual berlangsung akhir tahun ini.

Mesyuarat itu juga membincangkan mengenai persiapan BN bagi menghadapi pilihan raya kecil kerusi Dewan Undangan Negeri Pahang kawasan Ketari, yang akan diadakan ekoran kematian penyandanginya Datuk Loke Koon Kam dari BN.

-- BERNAMA

HS AT AHH MAI